astro AWANI

# MOF keluar pekeliling baharu, arah penjimatan besar-besaran kerajaan

Harits Asyraf Hasnan
Julai 15, 2022 14:30 MYT


KERAJAAN MALAYSIA

Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam
(Kemaskini 14 Julai 2022)

Antara yang dinyatakan dalam dokumen tersebut termasuk sasaran Kementerian Kewangan melaksanakan penjimatan peruntukan mengurus sekurang-kurangnya lima peratus. - Foto MOF

KUALA LUMPUR: Kerajaan pada Khamis mengeluarkan Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam seiring mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan.

Dokumen sembilan halaman yang dikeluarkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Datuk Seri Asri Hamidon bertarikh 14 Julai 2022.

Garis Panduan itu menyatakan bahawa Kementerian, Jabatan, Agensi, Badan Berkanun Persekutuan serta Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) hendaklah menyusun semula program atau aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan dengan memastikan tidak membuat 'trade-off' ke atas program dan aktiviti yang mengfokuskan kepada kesejahteraan rakyat.

"Kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan subsidi barangan perlu (essential goods) serta kawalan harga bagi mengurangkan impak inflasi dunia kepada negara dan rakyat.

"Peningkatan subsidi sedia ada terutamanya produk petroleum dan minyak masak serta subsidi baharu seperti elektrik dan ayam telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan Kerajaan.

"Perbelanjaan bagi bantuan dan subsidi diunjurkan mencecah RM77.7 bilion berbanding dengan peruntukan RM31 bilion yang diluluskan dalam Bajet 2022.

"Dengan itu, Kerajaan seharusnya melaksanakan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan bagi membantu membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi demi kesejahteraan rakyat," memetik kandungan dokumen tersebut.

Antara yang dinyatakan dalam dokumen tersebut termasuk sasaran Kementerian Kewangan melaksanakan penjimatan peruntukan mengurus sekurang-kurangnya lima peratus.

Antara penjimatan yang digariskan termasuk melibatkan pejawatan, kontrak, elaun, aset, penganjuran acara, iklan, pelaburan, rizab dan perbelanjaan pembangunan.

Dilampirkan Pekeliling Perbendaharaan tersebut:


Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1

KERAJAAN MALAYSIA

Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam
(Kemaskini 14 Julai 2022)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA


Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1

KANDUNGAN

PB3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam


1. TUJUAN ....... 1
2. LATAR BELAKANG ....... 1
3. PERBELANJAAN MENGURUS ....... 1
4. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN ....... 7
5. PENGGUNAAN RIZAB AKAUN AMANAH/ SUMBER DALAMAN ....... 8
6. ARAHAN-ARAHAN UMUM ....... 8
7. PEMATUHAN GARIS PANDUAN ....... 8
8. TARIKH KUATKUASA PEKELILING ....... 9
9. PEGAWAI RUJUKAN ....... 9



Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1

PB3.1 GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM

1. Tujuan

1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memastikan semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Badan Berkanun/ Ketua Eksekutif Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan Ketua Agensi-agensi lain untuk melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

1.2 Pegawai Pegawai hendaklah memastikan agar badan berkanun, CLBG dan badan bukan Kerajaan (NGO) di bawah seliaan kementerian/ jabatan untuk menerima pakai garis panduan ini sebelum peruntukan disalurkan.

2. Latar Belakang

2.1 Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Kerajaan telah menyediakan kemudahan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion untuk merangsang dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Hasilnya, ekonomi Malaysia mencapai pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2021 dan seterusnya berkembang sebanyak 5.0% pada suku pertama 2022 (S1 2022). Namun demikian, ketidaktentuan ekonomi global serta ketegangan geopolitik antarabangsa telah mengakibatkan tekanan inflasi tinggi ditambah dengan harga komoditi global dan makanan yang telah meningkat secara mendadak. Perkembangan ini menjejaskan pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.

2.2 Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan subsidi barangan perlu (essential goods) serta kawalan harga bagi mengurangkan impak inflasi dunia kepada negara dan rakyat. Peningkatan subsidi sedia ada terutamanya produk petroleum dan minyak masak serta subsidi baharu seperti elektrik dan ayam telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan bagi bantuan dan subsidi diunjurkan mencecah **RM77.7 bilion** berbanding dengan peruntukan RM31 bilion yang diluluskan dalam Bajet 2022. **Dengan itu, Kerajaan seharusnya melaksanakan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan bagi membantu membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi demi kesejahteraan rakyat.**

2.3 Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ CLBG hendaklah menyusun semula program/aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan dengan memastikan tidak membuat trade-off ke atas program dan aktiviti yang mengfokuskan kepada kesejahteraan rakyat.

3. Perbelanjaan Mengurus

Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan/ CLBG dikehendaki melaksanakan penjimatan dalaman untuk menentukan semua perbelanjaan adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan peraturan yang ditetapkan bagi pengurusan

M.S. 1 / 8

